

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum awda memohon Kad Debit TAIB. Sila baca juga Terma dan Syarat Kad Debit yang berkaitan dan dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya awda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau istilah umum.</p>	<h3>KAD DEBIT PERBADANAN TAIB</h3> <p>Maklumat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini berkuatkuasa mulai 23hb November 2021.</p>
<p>1. Apakah Kad Debit Perbadanan TAIB ini?</p> <p>Kad Debit merupakan kad pembayaran yang dihubungkan dengan Akaun Simpanan atau Akaun Semasa pelanggan. Pembelian yang dibuat oleh pelanggan menggunakan kad ini akan terus di tolak secara langsung dari akaun yang dihubungkan. Kad Debit ini juga berfungsi sebagai kad ATM dan akan dikeluarkan atas permintaan pelanggan untuk Akaun Semasa dan Akaun Simpanan yang berkaitan.</p> <p>Jenis Kad Debit Perbadanan TAIB:</p> <ul style="list-style-type: none"> • TAIB Debit Mastercard • TAIB World Debit Mastercard 	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <p>Produk ini menggunakan konsep "<i>Ujrah</i>" yang diambil dari perkataan "<i>Ijarah</i>" iaitu merujuk kepada kontrak yang digunakan untuk mendapatkan perkhidmatan atau manfaat tertentu yang boleh dibayar dan dihalalkan dengan imbalan tertentu. Dalam konteks ini, Perbadanan TAIB menyediakan Kad Debit untuk pemegang akaun mengikut terma dan syarat yang dipersetujui, Perbadanan TAIB akan mengenakan caj tertentu berdasarkan "<i>Ujrah</i>" ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan TAIB kepada pemegang kad.</p>	
<p>3. Siapakah yang boleh memohon?</p> <p>Untuk memohon Kad Debit Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Berumur 18 tahun dan ke atas; dan b. Mengekalkan Akaun Simpanan atau Akaun Semasa di Perbadanan TAIB; 	
<p>4. Apakah yang perlu pelanggan lakukan setelah mendapatkan produk ini?</p> <p>Pelanggan akan diberikan "<i>Welcome Pack</i>" yang menjelaskan langkah-langkah untuk mengaktifkan Kad Debit. Kad akan diaktifkan dengan menggunakannya di mesin ATM dan memasukkan kod <i>OTP</i> ("<i>One-time password</i>") yang akan dihantar ke telefon bimbit Pelanggan melalui SMS. Kod <i>OTP</i> akan dihasilkan secara automatik semasa penggunaan kad buat pertama kali di mesin ATM atau dengan menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB untuk meminta <i>OTP</i> dihantar. Bagi sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB atau mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB yang berdekatan.</p>	

5. Apakah syarat utama produk ini?

Perbadanan TAIB berhak menolak sebarang transaksi yang dibuat dengan Kad Debit Perbadanan TAIB yang bercanggah dengan prinsip Syariah.

6. Apakah Fi yang pelanggan perlu bayar?

Jenis	TAIB Debit Mastercard	TAIB World Debit Mastercard
Kad Baru	Percuma	
Fi tahunan	Percuma	
Fi penggantian bagi kehilangan / kerosakan kad	\$15	
Fi penggantian bagi kad tidak berfungsi	Percuma	
Penggantian PIN	Percuma	
Fi pengeluaran wang melalui ATM Perbadanan TAIB	Percuma	
Fi pengeluaran wang melalui ATM bank selain daripada Perbadanan TAIB	\$6 setiap transaksi	
Fi Transaksi menggunakan Mata Wang Asing	2% dari jumlah transaksi	
Pengendalian pertikaian	\$5 setiap transaksi	
Fi pengambilan semula draf jualan	\$10 setiap salinan	

Sila rujuk kadar semasa fi dan caj yang berkaitan di dalam Jadual Tarif dan Fi TAIB.

7. Apakah had transaksi yang dikenakan?

Jenis	TAIB Debit Mastercard	TAIB World Debit Mastercard
Pengeluaran wang tunai maksimum setiap hari melalui ATM	\$4,000	\$5,000
Had perbelanjaan maksimum setiap hari	\$4,000 hingga \$10,000*	\$10,000 hingga \$30,000*
Jumlah maksimum pembayaran tanpa sentuhan**	Maksimum \$100 setiap transaksi Had Harian Maksimum \$1,000	

*Berdasarkan penilaian lanjut Perbadanan TAIB

**Termasuk dalam had perbelanjaan

8. Bagaimana jika pelanggan gagal melaksanakan tanggungjawab?

Mengekalkan Baki Yang Mencukupi	Perbadanan TAIB berhak untuk menyekat akaun Kad Debit atau penggunaan Kad Debit sekiranya pelanggan gagal, menolak atau mengabaikan untuk menyimpan baki yang mencukupi dalam akaun tersebut.
Tiada jumlah lebih pengeluaran	Perbadanan TAIB berhak untuk menolak dari mana-mana akaun pelanggan yang ada di Perbadanan TAIB tanpa makluman untuk membayar mana-mana jumlah lebih pengeluaran atau menuntut pembayaran dari apa jua cara sekalipun.
Liabiliti ke atas Transaksi Tanpa Kebenaran	Pelanggan adalah bertanggungjawab terhadap sebarang/semua transaksi yang tidak dibenarkan sehingga/kecuali Perbadanan TAIB dimaklumkan dan melaksanakan perintah “berhenti” ke atas Kad Debit tersebut.

9. Apakah risiko-risiko utama?

- **Kehilangan / Kecurian**: Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secepatnya dengan menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299 untuk tindakan yang diperlukan seperti menyekat Kad Debit dengan segera.
- **Percanggahan di dalam penyata**: Pelanggan hendaklah membuat laporan pertikaian secara bertulis dengan mengisi Borang Selidik Pertikaian yang boleh didapati di cawangan Perbadanan TAIB atau memuat turun dari laman sesawang www.taib.com.bn. Setelah itu, diemailkan kepada cardcentre@taib.com.bn dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari dari tarikh penyata untuk penyiasatan dan penyelesaian.

10. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memohon Kad Debit Perbadanan TAIB ini?

Bagi pelanggan yang sudah membuka akaun:

- a) Warganegara Brunei, Penduduk Tetap Brunei dan Warganegara asing
 - i. Kad pengenalan dan Pasport asal yang sah;

Bagi pelanggan baru:

- i. Pelanggan perlu membuka Akaun Semasa atau Akaun Simpanan yang berkaitan. Dokumen yang diperlukan adalah sama seperti dokumen sewaktu membuka akaun.

11. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan Pelanggan?

Untuk memastikan Pelanggan menerima surat menyurat dan makluman daripada Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secepatnya jika terdapat perubahan di dalam butiran maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB.

12. Di manakah Pelanggan boleh mendapat bantuan?

Untuk mendapatkan bantuan, Pelanggan boleh mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB atau menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299.

Jika langkah penyelesaian Perbadanan TAIB bagi pertanyaan atau aduan kurang memuaskan, pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui e-mel di fci@bdcdb.gov.bn atau datang terus ke alamat berikut:

Isu Pengguna Kewangan
Brunei Darussalam Central Bank
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910, Brunei Darussalam
Tel: +673 2380007

13. Di manakah Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.taib.com.bn atau hubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299 atau kunjungi cawangan Perbadanan TAIB yang berdekatan.



Terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Tarif dan Fi TAIB dan Terma dan Syarat Kad Debit TAIB.

Saya mengesahkan bahawa saya telah menjelaskan Lembaran Pendedahan Produk ini kepada Pelanggan.	Saya mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk ini telah dijelaskan kepada saya, dan saya memahami penjelasan yang diberikan serta bersetuju untuk melanggan perkhidmatan Kad ATM/Debit TAIB yang berkonsepkan <i>Ujrah</i> mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan TAIB.
Nama: No. K/P: Tarikh:	Nama: No. K/P: Tarikh:
..... (untuk dan bagi pihak Perbadanan TAIB) (Tandatangan Pelanggan)